

# FALSAFAH DAN PELESTARIAN TIGA HUJUNG DALAM KALANGAN ARISTOKRAT BUGIS DI ALAM MELAYU: MENELAAH MAKLUMAT DARI TEKS *TUHFAT AL-NAFIS, SALASILAH MELAYU DAN BUGIS,* SERTA *HIKAYAT UPU DAENG MENAMBUN*

Alwi Daud  
Mardiana Nordin  
Abdullah Zakaria Ghazali\*

## Abstrak

Artikel ini membincangkan falsafah dan pelestarian tiga hujung dalam konteks aristokrat Bugis berperanan di Alam Melayu pada sekitar abad ke-18, berdasarkan tiga teks utama iaitu *Tuhfat al-Nafis, Salasilah Melayu dan Bugis* dan *Hikayat Upu Daeng Menambun*. Meskipun terdapat pengkaji terdahulu antaranya A.Moein Mg (1994), Christian Pelras (2006), H. Abu Hamid (2007), dan Ahmad Farhan Abdullah@Zakaria (2011) membincangkan tentang topik ini, tetapi perbincangan mereka kurang menyeluruh. A.Moein Mg dan H.Abu Hamid dan Christian Pelras lebih menumpukan tentang persoalan *siriq* yang menjadi *weltanschauung* masyarakat Bugis. Manakala Ahmad Farhan menyentuh serba sedikit tetapi tidak berdasarkan ketiga teks yang dinyatakan. Oleh itu makalah ini akan membuktikan bagaimana falsafah tiga hujung iaitu ‘hujung lidah, hujung syahwat dan hujung badik’ dilestarikan oleh aristokrat Bugis ketika berperanan di Alam Melayu berdasarkan teks *Tuhfat al-Nafis, Salasilah Melayu dan Bugis* dan *Hikayat Upu Daeng Menambun*. Makalah ini akan: mengenalpasti penggunaan falsafah hujung lidah yang lazimnya diterjemahkan dalam bentuk penulisan; menganalisis penggunaan falsafah hujung syahwat melalui perkahwinan Bugis dan Melayu; dan menilai bagaimana falsafah hujung badik dipraktikkan ketika terlibat dalam perang di Alam Melayu. Secara keseluruhannya, penggunaan tiga falsafah ini jelas dilestarikan oleh aristokrat Bugis ketika berperanan di Alam Melayu. Antaranya: terhasilnya teks-teks Melayu Bugis seperti *Tuhfat al-Nafis dan Salasilah Melayu dan Bugis* melalui konsep hujung lidah; geneologi aristokrat Bugis berkembang melalui falsafah hujung syahwat (perkahwinan) dan mengapalai perang melalui falsafah hujung badik.

Kata Kunci: Falsafah Tiga Hujung dan Teks Melayu

---

\* Saudara Alwi Daud ialah calon PhD Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur; Dr. Mardiana Nordin ialah Pensyarah Kanan jabatan yang sama, dan Abdullah Zakaria Ghazali ialah Profesor Emeritus Universiti Malaya.

## Pengenalan

Falsafah tiga hujung (*tellu cappa*) merupakan suatu bentuk manifestasi hidup dalam masyarakat suku Bugis yang lazimnya diterjemahkan ketika mereka merantau (*massompe*) keluar dari tanah Bugis (Sulawesi Selatan). Tiga hujung utama yang diterapkan adalah “hujung lidah, hujung syahwat dan hujung badik”. Hujung lidah adalah cerminan kepada kepetahan suku Bugis ketika berkomunikasi dan dizahirkan juga dalam bentuk penulisan. Ia juga sebagai representasi kepada kemampuan suku Bugis ketika menjalinkan hubungan diplomasi. Hujung yang kedua iaitu hujung syahwat, sering diterjemahkan oleh suku Bugis dalam bentuk perkahwinan ketika mereka beradaptasi di penempatan yang baru. Hujung ini juga dianggap sebagai hujung produktiviti kerana suku Bugis tersebut lazimnya menikahi wanita yang berpengaruh di daerah rantau yang mereka duduki.<sup>1</sup> Dengan ini mereka juga berjaya menyebarkan zuriat keturunan mereka disamping menjawat jawatan penting dalam kerajaan tersebut. Falsafah hujung yang ketiga adalah hujung badik. Falsafah ini adalah simbolik kepada keberanian dan kehandalan masyarakat suku Bugis menggunakan senjata. Pepatah Bugis menyebutkan, *mattapuang timukku temmatangpauang gajaku, Mattapuang timukku temmatangpauang gajaku*, ertinya: ‘mulutku boleh berkata tuan tetapi badikku tidak’. Dalam hal ini jelas memperlihatkan tentang bagaimana arifnya dalam kalangan Bugis bermain senjata. Selain itu falsafah hujung badik ini turut digunakan sebagai pilihan terakhir untuk menyelesaikan sesuatu perkara ketika suku Bugis ini merasa terancam dan turut terpaksa apabila suku Bugis berhajat untuk menyerang sesuatu kerajaan yang memusuhi mereka.

Sekitar abad ke-18, muncul lima orang putera aristokrat Bugis yang merantau dari Sulawesi ke Alam Melayu. Mereka terdiri daripada Opu Daeng Parani (berkahwin dengan puteri dari kerajaan Johor, Selangor dan Kedah) Opu Daeng Marewah (Yang Dipertuan Muda pertama), Opu Daeng Chelak (Yang Dipertuan Muda kedua), Opu Daeng Menambun (menjadi raja di Pontianak, Kalimantan) dan Opu Daeng Kemasi ( mangkubumi di Sambas, Kalimantan).<sup>2</sup> Kelima aristokrat Bugis ini keluar dari tanah Bugis apabila terkesan dengan perang saudara yang meletus antara pakatan Bugis dan Belanda dengan kerajaan Gowa Makassar.<sup>3</sup> Kelima aristokrat Bugis ini kemudian menjadi lebih dominan di Alam Melayu, apabila hegemoni mereka mendominasi hampir sebahagian besar negeri Melayu yang mereka duduki. Dan yang lebih menarik, kelima aristokrat ini turut mengadaptasikan falsafah tiga hujung ketika mereka berperanan di negeri Melayu. Artikel ini menggunakan pendekatan kualitatif iaitu kaedah kepustakaan dengan mengumpul dan merujuk sumber bertulis yang

---

1 Halilintar Lathief, “Mallipu-Lipu: Tradisi Merantau Orang Bugis”, dalam *Bugis dalam Peradaban Melayu*, Universiti Perguruan Sultan Idris (UPSI), Tanjung Malim, 2013, hlm. 176.

2 Colonial Office (CO) 439, Selangor Sessional Paper.

3 Perang Saudara ini melibatkan antara Sultan Hasanudin dengan pakatan Arung Palakka dan Speelman yang pada akhirnya membawa kepada termeterainya Perjanjian Bungaya pada 18 November 1667. Material for a History of the Company’s Factory at Macassar from the year 1613 to 1667 with some resulting Incidents until the year 1674, Memorial given in to the secretary of state touching the Company’s Losses at Macassar dated 13 May 1669. Material for a History of the Company’s Factory at Macassar from the year 1613 to 1667 with some resulting incidents until the year 1674, The Court to the Agency of Bantam, 8 April 1669. Material for a History of the Company’s Factory at Macassar from the year 1613 to 1667 with some resulting incidents until the year 1674, Abstract Relation of Transactions in the Macassar Late War with Dutch 1661 to 1665.

membincangkan subjek berkaitan seperti sumber primer iaitu *Colonial Office* (CO), Surat Persendirian (SP) dan Sumber Belanda. Di samping itu sumber skunder seperti teks Melayu, buku dan tesis turut digunakan. Secara keseluruhannya, penggunaan tiga falsafah ini jelas dilestarikan oleh aristokrat Bugis ketika mereka berperanan di Alam Melayu. Antaranya: terhasilnya teks-teks Melayu Bugis seperti *Tuhfat al-Nafis dan Salasilah Melayu dan Bugis* melalui falsafah hujung lidah; geneologi aristokrat Bugis semakin berkembang melalui falsafah hujung syahwat (perkahwinan), dan mengepalai beberapa siri peperangan melalui falsafah hujung badik.

### Falsafah Tiga Hujung

Dalam masyarakat Bugis-Makassar, selain tiga hujung, mereka berpegang kepada Sirik (*Sirik Na Pacce*) sebagai falsafah hidup mereka. Sirik adalah harga diri dan kehormatan.<sup>4</sup> Bagi masyarakat Bugis-Makassar tidak ada yang lebih penting dalam hidup, melainkan menjaga sirik keluarga mereka.<sup>5</sup> Pegangan Sirik ini menjadi faktor penting Opu Bugis Lima Bersaudara: Daeng Parani, Daeng Marewah, Daeng Chelak, Daeng Menanbun, dan Daeng Kemasi berjaya dalam politik di Negeri Melayu. Antara prinsip falsafah hidup yang dipegang: “Jikalau *siri*’ sudah dilanggar, apa lagi yang hendak dipertimbangkan. Matahari itu tidak tenggelam di tengah langit Lebih baik mati nekad. Orang yang nekad mati juga, dan orang yang tidak nekad pun mati. Pengecut mati juga, pemberani mati juga, maka lebih baik mati nekad, mati diberi santan dan diberi gula”.<sup>6</sup> Dengan itu Bugis-Makassar menghayati sirik sebagai pegangan diri peribadi bagi mempertahankan sesuatu yang mereka hormati, hargai dan miliki. Sehingga tersurat pada ungkapan, “Hanya untuk siri’ kita hidup di dunia”.<sup>7</sup>

Orang Bugis-Makassar seringkali dirujuk sebagai perantau. Dengan itu dalam perantauan ini mereka berbekal kepada tiga hujung: hujung lidah, hujung lelaki (alat kelamin), dan hujung badik. Ketika dalam perantauan, jika kaedah hujung lidah dan hujung lelaki tidak berjaya, Bugis-Makassar menggunakan hujung badik. Dengan kata lain, Bugis-Makassar menggunakan kekuatan untuk menguasai penduduk setempat.<sup>8</sup> Pegangan falsafah tiga hujung ini menjadi bekal utama La Maddukelleng, putera Raja Wajo dalam perantauannya. Ketika ditanya Arung Matowa Wajo, apakah bekal dibawa, dan sudah cukup dalam pengembaraan? La Maddukelleng menyatakan bekalannya cukup untuk diri serta nyawanya, iaitu berbekalkan lidah, keris, dan kemaluan. Ketiga-tiga bekal ini, bekal tidak akan habis, dan modalnya tidak akan rosak.<sup>9</sup> Ketiga-tiga pendekatan ini dapat ditelaah dari teks Melayu: *Tuhfat al-Nafis, Salasilah Melayu dan Bugis dan Hikayat Upu Daeng Menambun*.

- 
- 4 A. Moein MG., *Kualleangnga Tallanga Na-Toalla SIRIK NA PACCE*, Ujung Pandang: Yayasan Makassar Press, 1994, hlm. 13.
  - 5 Nurhayati Rahman, *Retna Kencana Colliq Pujie Arung Pancana Toa 1812-1876: Intelektual Penggerak Zaman*, Makassar: La Galigo Press, 2008, hlm. 30.
  - 6 A. Moein MG., *Kualleangnga Tallanga Na-Toalla SIRIK NA PACCE*, hlm. 17.
  - 7 Mattulada, *LATO A Satu Lukisan Analitis Terhadap Antropologi Politik Orang Bugis*. Ujung Pandang: Lembaga Penerbitan Universitas Hasanuddin, 1985, hlm. 62; 65.
  - 6 A. Moein MG., *Kualleangnga Tallanga Na-Toalla SIRIK NA PACCE*, hlm. 139,
  - 9 Siardin Jemma, H.A. dan Sudirman Sabang, *Sejarah dan Perjuangan La Maddukelleng: Arung Matoa Wajo – Sultan Pasir*, Sengkang: Amar Komputer, (tidak dapat dikesan tahun penerbitan) hlm. 20-21.

## Falsafah Hujung Lidah

Kemunculan golongan aristokrat Bugis menyemarakkan lagi sistem pemerintahan beraja di Alam Melayu. Asimilasi mereka terbentuk melalui campur tangan politik, bantuan ketenteraan dan perkahwinan dengan golongan aristokrat Melayu. Keseluruhan bentuk pensejarahan ini kemudian dizahirkan dalam bentuk teks oleh golongan aristokrat Bugis itu sendiri. Mereka antaranya Raja Ahmad bin Raja Haji (1779-1879) dan anaknya Raja Ali Haji bin Raja Ahmad (1809-1872). Kedua pujangga berdarah Bugis Melayu ini merupakan keturunan langsung dari Opu Bugis Lima Bersaudara (Opu Daeng Chelak), yang berjaya mendominasi hampir sebahagian besar kerajaan Melayu sekitar abad ke-18.

Teks *Tuhfat al-Nafis* yang diangkat sebagai sebuah *marsterpiece* oleh golongan sarjana terkini, menggalurkan kronologi kedatangan aristokrat Bugis dari Sulawesi Selatan. Ia juga dilihat mempunyai kesinambungan dengan pensejarahan Melaka selepas ditawan Portugis pada 1511. Teks yang awalnya dikarang oleh Raja Ahmad kemudian disempurnakan secara trampil oleh anakandanya Raja Ali Haji. Walau bagaimanapun, Raja Ali Haji turut menggunakan beberapa teks lain sebagai input tambahan dalam menghasilkan *Tuhfat*. Antaranya teks *Salasilah Melayu dan Bugis*, *Hikayat Johor*, *Hikayat Upu Daeng Menambun*, dan *Sejarah Raja-Raja Riau dan Siak*.<sup>10</sup>

Pelestarian falsafah hujung lidah dengan penghasilan beberapa teks memperlihatkan kredibiliti kedua pujangga Bugis ini apabila menggalurkan kronologi penglibatan Opu Bugis Lima Bersaudara di Alam Melayu secara analitikal. Keberadaan teks karangan kedua aristokrat Bugis ini dilihat mengimbangi teks lain seperti *Hikayat Siak* yang cenderung kepada Minangkabau. Di samping itu juga kepengarangan Raja Ali Haji menjadi semakin terserlah apabila menghasilkan teks berbentuk syair misalnya *Salasilah Melayu dan Bugis*. Penggunaan syair dalam teks ini memperlihatkan suatu bentuk pensejarahan yang lebih halus tatkala mengkritik sesuatu atau menjelaskan tentang peristiwa berbanding prosa yang dilihat bersifat langsung dalam menjelaskan sesuatu. Sementara itu, teks *Hikayat Upu Daeng Menambun* yang memiliki garapan terbaik mengenai ketokohan salah seorang Opu Bugis Lima Bersaudara turut digunakan oleh kedua pujangga Bugis ini dalam melengkapkan teks *Tuhfat al-Nafis*.

Selain menjadi simbolik kepada hujung mata pena yakni kebijaksanaan dalam bentuk pengarangan, hujung lidah juga mencerminkan kepakaran suku Bugis dalam berbicara dan berdiplomasi. Hal ini dibuktikan di dalam teks *Tuhfat al-Nafis* selepas Opu Bugis Lima Bersaudara berjaya melantik Raja Sulaiman sebagai Sultan. Lalu mereka mengadakan perjanjian dengan Sultan Sulaiman. Dan salah seorang daripada Opu Bugis Lima Bersaudara menyatakan seperti berikut:

Yakinlah Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah, akulah Yang DiPertuan Muda yang memerintahkan kerajaanmu. Barang yang tiada suka engkau membujur di hadapanmu aku lintangkan, dan barang yang tiada suka melintang di hadapanmu aku bujurkan. Barang yang semak di hadapanmu, aku cucikan.<sup>11</sup>

---

10 Mohd. Yusof Md. Nor (Diusahkan), *Silsilah Melayu dan Bugis*, Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd. 1984, hlm. 84.  
11 Virginia Matheson (editor), *Tuhfat al-Nafis*, Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd., 1982, hlm.71.



## Falsafah Hujung Syahwat

Falsafah hujung syahwat adalah simbolik kepada perkahwinan yang dibuat oleh suku Bugis dengan wanita tempatan ketika mana mereka keluar merantau dari tanah Bugis (Sulawesi Selatan). Suku Bugis menganggap perkahwinan yang ideal ialah melalui saudara rapat, baik sebelah ayah mahupun sebelah ibu. Perkahwinan antara saudara satu pupu (*sapposiseng*) disebut *assialang sikapu'na* (perkahwinan yang paling baik), perkahwinan antara saudara dua pupu (*sappokadua*) *assialanna memeng* (perkahwinan yang semestinya), perkahwinan antara saudara tiga pupu (*sappokatellu*) disebut *assiparewekenna mabelae* (merapatkan yang jauh) dan perkahwinan antara saudara empat pupu (*sappokaappa*) disebut *ripasikawerengi mabalae* (mendekatkan yang jauh).<sup>16</sup> Dalam naskhah lontara' Bugis menjelaskan bahawa raja dan para penguasa tertinggi kerajaan boleh menikahkan wanita keturunan bangsawan dengan orang kebanyakan asalkan dia memiliki ciri-ciri seperti pemberani, kaya, dan bijaksana kerana raja memerlukan orang yang seperti ini.<sup>17</sup> Budaya perkahwinan ini juga turut melibatkan aristokrat Bugis yang berlandaskan kepada falsafah tiga hujung iaitu hujung syahwat.

Menurut *Tuhfat al-Nafis*, golongan aristokrat Bugis 'menaklukan' Johor dan negeri-negeri Melayu lain tanpa senjata, tetapi melalui perkahwinannya dengan anak-anak perempuan raja Johor (matrimonial policy), yakni menawan hati puteri Balqis seperti yang dilakukan oleh Nabi Sulaiman.<sup>18</sup>

Perkahwinan antara suku Bugis dan Melayu telah memberi impak yang besar dalam struktur politik dan sosial di Alam Melayu. Melalui perkahwinan ini beberapa kerajaan telah bertukar pemimpin khususnya dalam konteks kesukuan. Kesenambungan legitimasi kerajaan yang dipimpin oleh Raja Melayu sebelum ini, telah disambung atau diambil alih oleh suku Bugis.

Opu Daeng Menambun yang berkahwin dengan Puteri Kesumba anakanda Sultan Muhammad Zainuddin dan Ratu Sultan Mas Inderawati merupakan anakanda kepada Penembahan Sengkawok Raja Mempawah. Opu Daeng Menambun kemudian membuka penempatan di Bukit Serama dan kemudiannya dilantik menjadi Raja Mempawah bergelar Pangeran Emas Seri Negara. Dengan ini berlaku pengaliran kuasa dari suku Melayu ke suku Bugis. Peristiwa ini secara tidak langsung memudahkan suku Bugis berperanan di Kalimantan.

Seterusnya perkahwinan antara Opu Daeng Kemasi dengan Puteri Raja Adil, Sultan di negeri Sambas iaitu Raden Tengah. Opu Daeng Kemasi kemudian dilantik sebagai pemerintah negeri Sambas dengan gelaran Pangeran Mangkubumi Sambas.

Dalam kerajaan Johor-Riau, Opu Daeng Parani telah berkahwin dengan Tengku Tengah adinda kepada baginda Raja Sulaiman. Perkahwinan ini merapatkan lagi hubungan antara suku Bugis dan Melayu serta memudahkan Opu Bugis Lima Bersaudara berperanan dalam kerajaan Johor-Riau. Sementara itu, Opu Daeng Chelak pula berkahwin dengan Tengku Mandak dan jalinan kekeluargaan ini telah melahirkan suatu bentuk kerjasama untuk

---

16 Abd. Latif, Nordin Hussin, *Sejarah Dan Politik Kerajaan Bugis Kedinamikan Konfederasi Ajattapareng Di Sulawesi Selatan 1812-1906*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015, hlm. 115.

17 Susan Bolyard Millar, *Perkahwinan Bugis (terjemahan): Refleksi Status dan Budaya di Balikinya*, Makassar: Innawa 2009, hlm. 56.

18 Tatiana Denisova, "Sejarah Penyebaran Islam di Alam Melayu Berasaskan Sumber-sumber Sejarah Melayu Islam Kurun ke-18 hingga ke-19", *Jurnal Al-Tamaddun*, Bil 8 (1), 2013, Universiti Malaya Kuala Lumpur, hlm. 93.

menghadapi perang menentang Raja Kechil.<sup>19</sup> Mengaplikasikan falsafah Bugis yang terkenal dengan istilah ‘tiga hujung’ (*telu Cappa*), iaitu hujung lidah hujung badik dan hujung syahwat, dan hujung yang ketiga iaitu hujung syahwat dilestarikan oleh Opu Daeng Parani, apabila berkahwin pula dengan saudara Yang DiPertuan Kedah Sultan Muhammad Jiwa.<sup>20</sup>

Secara keseluruhannya faktor perkahwinan merupakan antara faktor utama yang memudahkan aristokrat Bugis berperanan dengan jayanya di Alam Melayu. Malah geneologi kesan dari perkahwinan mereka terus kekal memerintah meskipun sekitar abad ke-19 pengaruh Bugis sudah mula menghilang. Namun demikian, legitemasi geneologi aristokrat Bugis di Johor dan Selangor masih kekal memerintah hingga kini (2020).

### **Falsafah Hujung Badik**

Falsafah hujung badik digunakan sebagai pilihan terakhir untuk menyelesaikan sesuatu perkara ketika suku Bugis ini merasa terancam. Namun demikian, falsafah ini juga terpakai apabila suku Bugis berhajat untuk menyerang sesuatu kawasan yang memusuhi mereka. Sekitar abad ke-18, aristokrat Bugis yang dikepalai oleh Opu Bugis Lima Bersaudara telah membantu beberapa kerajaan yang menghadapi konflik perang. Negeri-negeri Alam Melayu tersebut meliputi Johor-Riau, Selangor, Perak, Kedah, Sambas, Matan dan Mempawah.

Penglibatan golongan aristokrat ini yang didasari oleh falsafah hujung badik diperincikan dengan jelas dalam ketiga teks yang dinyatakan di atas. Dalam *Tuhfat al-Nafis*, memperlihatkan penglibatan aristokrat Bugis dalam sepuluh perang antara Bugis dan Minangkabau. Kronologi perang adalah seperti berikut:

#### Maka Perang Pertama

Tatkala masa Opu-opu yang lima beradik mengambil Riau daripada tangan Raja Kecil, diserahkan Riau dengan segala takluk daerahnya kepada Sultan Sulaiman Badrul Alam Syah pada Hijrat sanat 1134.

#### Maka Perang Kedua

Tatkala Raja Kecil alah perang di Riau lalu ia lari ke Lingga, maka lalu diikuti oleh Bugis-Bugis sampai ke Lingga lalulah berperang. Maka Raja Kecil pun alah lalulah ia balik ke Riau semula, Opu-opu telah ke Selangor.

#### Maka Perang Ketiga

Perang Linggi tatkala Raja Kecil membantu Penghulu Linggi berperang dengan Opu-opu Raja Bugis itu. Maka Raja Kecil pun alah pula ia selalu ia pergi ke Siak membuat negeri di Buntan, serta berkukuh di situ.

---

19 Mardiana Nordin, Perang Melayu Pada Abad ke-18 dan ke-19: Kajian Berdasarkan Naskhah *Tuhfat al-Nafis*, *Hikayat Pahang*, *Kenang-Kenangan Selangor* dan *Hikayat Seri Kelantan*, Tesis Ph.D, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2010, hlm. 312.

20 Ibid.

#### Maka Perang Keempat

Perang Opu-opu itu pergi melanggar negeri Siak, sebab kerajaan Sultan Sulaiman diambil Raja Kecil. Maka di dalam perang itu pun alah jua Raja Kecil. Maka pulanglah kerajaan Johor itu kepada Sultan Sulaiman, kerana sebab pertolongan opu-opu yang lima beradik itu jadi dapat semula kerajaan Raja Johor itu. Syahdan jadilah setahun itu empat kali perang opu-opu itu, serta lalu opu-opu itu merajakan Raja Sulaiman bergelar Sultan Sulaiman, dan Opu Kelana Jaya Putera pun menjadi Yang DiPertuan Muda masa itu.

#### Maka Perang Kelima

Perang di dalam negeri Kedah dengan Raja Kecil, bukannya perang yang pertama, iaitu membantu Raja Kedah lalu melantik Raja Kedah yang tuanya, maka iaitu bukannya perang dengan Raja Kecil. Adapun perang dengan Raja Kecil yang kedua kalinya di dalam negeri Kedah tatkala itulah mangkat Opu Daeng Parani. Maka Raja Kecil pun alah juga lalu balik ke Siak, pada Hijrah seribu seratus tiga puluh enam tahun.

#### Maka Perang Keenam

Perang Raja Kecil melanggar negeri Riau pada sembilan lekur bulan Syaaban, hingga sampai kepada dua puluh hari bulan Zulhijjah. Maka lalu berdamai. Kemudian Raja Kecil datang mengambil isterinya lalu bersumpah di masjid.

#### Maka Perang Ketujuh

Perang Raja Kecil melanggar Riau berkubu di Pulau Bayan. Maka Raja Kecil pun alah juga lari ia pada malam harinya. Adalah lama perangnya itu, iaitu dua hari pada Hijrat tahun Jim sanat 1139. Syahdan segala perang yang tersebut itu, iaitu masa lagi hidup Opu Kelana Jaya Putera Yang DiPertuan Muda yang pertama di dalam Riau, lepas daripada perang Yang DiPertuan Muda Opu Daeng Cellak pula.

#### Maka Perang Kelapan

Perang Raja Kecil melanggar Riau berlabuh di Penyengat tiada boleh masuk, berperang pada tujuh belas hari bulan Safar. Maka pada malam Khamis Raja Kecil alah maka lalu lari diikuti sampai ke Ungaran, pada tahun 1150.

#### Maka Perang Kesembilan

Perang Raja Kecil menyuruh anaknya Raja Alam dan Daeng Matekko dan Raja Emas melanggar negeri Riau membuat wangkang kota berjalan, berperang pada lima belas hari bulan Rabiul Awal. Maka apabila sampai ke pada lapan hari bulan Rabiul Akhir maka Raja Alam pun alahlah, lalu lari ke Siak, sanat 1161.

Maka Perang Kesepuluh.

Perang Cucu Raja Kecil, iaitu Raja Ismail dengan Yang DiPertuan Muda Daeng Kemboja di Singapura. Maka alah Raja Ismail. Maka perang ini tiada dapat tarikhnya, melainkan siapa-siapa yang di belakang akulah pula memperbuatnya. Syahdan adapun Daeng Kemboja Yang DiPertuan Muda Riau, apabila selesailah daripada perang selat, amanlah Riau duduklah dengan kesentosaan dengan beberapa masa.<sup>21</sup>

Sementara itu dalam teks *Salasilah Melayu dan Bugis*, keterlibatan aristokrat Bugis dalam perang banyak dizahirkan dalam bentuk syair. Misalnya ketika perang di Linggi, syairnya berbunyi seperti berikut:

Sudah siap kelengkapan,  
Ke Linggi pula dihadapkan,  
Berperang di situ berusuk-rusukan,  
Penghulu Linggi ke Riau menyembahkan.  
Sampai ke Linggi berperanglah,  
Bugis membuat suatu helah,  
Pergi ke Riau ia membelah,  
Linggi diserang Riau yang alah.<sup>22</sup>

Penglibatan aristokrat Bugis juga turut dinyatakan dalam bentuk syair ketika perang Kedah di mana perang tersebut menyebabkan gugurnya salah seorang daripada Opu Bugis Lima Bersaudara iaitu Opu Daeng Parani. Syair tersebut berbunyi seperti berikut:

Raja Kecil orang perdaya,  
Lela di cegaknya diselasanya dia  
Disuruhnya isi sudahlah sedia  
Akan membedil opu yang mulia.

Ghurab pun mudik perlahan-lahan,  
Tidak disangka perbantahan,  
Raja Kecil menyucuh lela pilihan,  
Ditujunya kepada opu pahlawan.

Sudahlah janji daripada Allah,  
Daeng Parani pun seraya kenalah  
Kepada dadanya tulang pun belah,  
Di atas beranda ia rebahlah.<sup>23</sup>

Dalam teks *Hikayat Upu Daeng Menambun*, penglibatan aristokrat Bugis turut disentuh dengan jelas dalam perang Kedah. Ungkapan yang dibuat oleh Raja Sulaiman adalah seperti berikut:

- 
- 21 Raja Haji Ahmad dan Raja Ali Haji, *Tuhfat al-Nafis*, Virginia Matheson (editor) Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn Bhd. 1997, hlm. 149-151.  
22 Mohd. Yusof Md. Nor (Diusahakan), *Silsilah Melayu dan Bugis*, hlm. 64.  
23 Ibid, hlm. 145.

FALSAFAH DAN PELESTARIAN TIGA HUJUNG DALAM KALANGAN ARISTOKRAT BUGIS  
DI ALAM MELAYU: MENELAAH MAKLUMAT DARI TEKS *TUHFAT AL-NAFIS*,  
*SALASILAH MELAYU DAN BUGIS*, SERTA *HIKAYAT UPU DAENG MENAMBUN*

Minta tolong perang, kerana saya berkelahi dengan saudara saya sebab berebutkan kerajaan. Khabar Raja Kedah, jikalau menang saya perang, saya berilah Upu Daeng yang berlima bersaudara, saya berilah lima belas bahara.<sup>24</sup>

Penglibatan aristokrat Bugis yang dipelopori oleh Opu Bugis Lima Besaudara khususnya dalam beberapa siri perang memperlihatkan penggunaan falsafah hujung badik yang diaplikasikan oleh mereka. Mereka bukan sahaja membantu kerajaan yang memerlukan bantuan untuk berperang, malahan mereka akhirnya menjawat jawatan tertinggi dalam kerajaan yang mereka duduki.

## Kesimpulan

Pelestarian falsafah tiga hujung oleh aristokrat Bugis di Alam Melayu mencipta beberapa dimensi baru yang kekal dilestarikan hingga ke hari ini. Keagungan teks hasil garapan pujangga yang juga aristokrat Bugis masih menjadi rujukan penting khususnya dalam mengkaji pensejarahan Bugis dan Melayu sekitar abad ke-17 hingga ke-19. Kepintaran pengarang yang bersimbolik daripada falsafah hujung lidah dilihat mendahului zaman pemikiran masa kini. Sesetengah sarjana Sulawesi menyatakan seperti berikut: 'pintarnya itu kerana berdarah Melayu, beraninya itu kerana berdarah Bugis'.

Pelestarian falsafah hujung syahwat pula berjalan dengan jayanya tatkala aristokrat Bugis ini berkahwin dengan aristokrat Melayu. Mereka bukan sahaja berjaya menduduki kerajaan tetapi akhirnya diangkat menjadi pemerintah dan juga raja. Malah ada ketikanya perkara yang diputuskan oleh mereka sebagai Yang Dipertuan Muda bersifat mutlak dan mengeneipkan kuasa sebenar sultan seperti Sultan Sulaiman meskipun banginda telah dilantik menjadi Sultan Johor dan Pahang.<sup>25</sup> Hujung yang terakhir ialah hujung badik, dan falsafah ini memperlihatkan kehandalan suku Bugis dalam menghadapi peperangan. Mereka bukan sahaja handal bermain senjata disamping memiliki kepakaran dalam taktik dan strategi peperangan. Kehandalan mereka yang lahir dari falsafah hujung badik akhirnya mengangkat aristokrat Bugis ini sebagai pendiri kuasa baru yang wujud pada sekitar abad ke-18.

---

24 Rogayah A. Hamid, (diselenggarakan), Hikayat Upu Daeng Menambun, hlm. 40.

25 SP 18/11/3, Zainal Abidin Ahmad (ZA'BA).